Peranan Bank

Bank Negara Malaysia merupakan bank pusat Malaysia. Matlamat utama Bank adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Mandat dan kuasa Bank diberikan menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang ditadbirnya.[1]

Dalam melaksanakan usaha untuk mendorong kestabilan monetari, Bank merumus dan mengendalikan dasar monetari supaya inflasi kekal rendah dan stabil, selain memastikan dasar monetari menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. Bank juga diberi mandat untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara.

Bagi menggalakkan kestabilan kewangan, Bank mengawal dan menyelia institusi kewangan bagi memelihara keselamatan dan kekukuhan institusi-institusi tersebut. Bank mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk mengekalkan integriti pasaran dan memastikannya berfungsi dengan teratur. Sistem pembayaran juga berada di bawah pengawasan Bank agar sistem pembayaran dan instrumen pembayaran kekal selamat, cekap dan diyakini. Selain itu, Bank juga mengawal selia amalan dalam kalangan institusi kewangan dan syarikat perantara yang terlibat bagi menyediakan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna kewangan.

Bank memainkan peranan penting dalam mendorong sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Usaha ini dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan rakyat Malaysia yang berubah-ubah serta peranan utama kewangan dalam kemajuan sosioekonomi negara. Langkah Bank untuk membangunkan dan memperdalam sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam dilaksanakan dengan mengakui bahawa sistem kewangan yang lebih maju ialah sistem yang dapat membantu menyerap kejutan, dan seterusnya menyumbang kepada daya tahan negara.

Selain itu, Bank juga melaksanakan beberapa fungsi penting lain. Antaranya ialah pengeluaran mata wang serta pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa negara. Bank juga merupakan penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Bersama-sama dengan agensi kerajaan dan penguatkuasaan undangundang lain, Bank memainkan peranan dalam membantu mencegah jenayah penyalahgunaan perkhidmatan kewangan. Di samping itu, Bank telah bertindak balas terhadap risiko iklim. Pertama, melalui pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan yang bersesuaian bagi menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon. Kedua, melalui penerapan amalan kelestarian dalam operasi Bank.

Semua peranan dan tindakan yang diambil oleh Bank ini adalah demi menjaga kepentingan negara.

[1] Perundangan utama yang lain antaranya termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011; dan Akta Mata Wang 2020.

Menggalakkan Kestabilan Monetari

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank merumuskan dasar monetari secara autonomi untuk mencapai kestabilan harga dan pada masa yang sama mengambil kira perkembangan ekonomi. MPC melaksanakan hal ini dengan menetapkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) berdasarkan penilaiannya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan ekonomi di Malaysia.

Dasar Monetari pada Tahun 2022

Pada awal tahun 2022, ekonomi global terjejas teruk berikutan tindak balas dasar terhadap penularan pandemik COVID-19 dalam keadaan kemunculan varian baharu yang membimbangkan. Langkah-langkah ketat untuk membendung penyebaran penyakit itu terpaksa diambil oleh negara-negara di seluruh dunia, lantas menjejaskan kegiatan ekonomi. Walau bagaimanapun, menjelang separuh pertama tahun 2022, pengurusan pandemik yang lebih berkesan[1] membolehkan beberapa ekonomi menamatkan sekatan dan membuka semula sempadan antarabangsa. Perkembangan ini telah mendorong kepada keadaan pasaran pekerja yang lebih baik, di samping pemulihan dalam kegiatan ekonomi dan permintaan.

Meskipun berlakunya perkembangan yang positif ini, pemulihan global telah terjejas disebabkan oleh beberapa faktor lain pada tahun itu. Faktor-faktor tersebut termasuk tekanan kos komoditi global yang meningkat, konflik ketenteraan di Ukraine serta langkah-langkah pembendungan COVID-19 yang ketat di China.[2] Secara khusus, tekanan inflasi yang semakin meningkat telah menimbulkan kebimbangan yang ketara bagi kebanyakan ekonomi di dunia. Keadaan ini disebabkan oleh peningkatan kos dan permintaan yang lebih kukuh setelah ekonomi dibuka semula.

Untuk menguruskan inflasi yang tinggi, banyak bank pusat terpaksa mengetatkan dasar monetari mereka dengan lebih agresif, dengan beberapa bank pusat meningkatkan kadar dasar mereka dengan cepat dan dalam magnitud yang besar. Akibatnya, keadaan kewangan global menjadi ketat. Yang ketara, pelarasan yang cepat dan besar dalam kadar faedah Amerika Syarikat (AS) dan jangkaan kenaikannya pada masa hadapan telah menyumbang kepada nilai dolar AS yang kukuh. Peningkatan nilai dolar AS ini kemudiannya menjejaskan mata wang utama dan mata wang pasaran sedang pesat membangun yang lain, termasuk ringgit.

Meskipun menghadapi cabaran global, ekonomi Malaysia terus mencatatkan pemulihan yang kukuh. Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia meningkat sebanyak 8.7% pada tahun 2022 (2021: 3.1%). Setelah sekatan COVID-19 ditamatkan, kegiatan ekonomi bersambung semula. Keadaan pasaran pekerja serta aktiviti pelaburan bertambah baik, sekali gus menyokong pertumbuhan dalam negeri. Pembukaan semula sempadan antarabangsa[3] membantu menggiatkan semula aktiviti pelancongan. Sokongan dasar yang berterusan seperti kenaikan gaji minimum[4] dan pindahan tunai memberikan sokongan tambahan kepada ekonomi.

[1] Hal ini termasuk kemajuan dalam liputan pemberian vaksin, peningkatan dalam keberkesanan vaksin, dan ketersediaan rawatan pencegahan virus.

[2] Konflik ketenteraan di Ukraine menyebabkan kenaikan harga komoditi secara mendadak dan gangguan sementara dalam rantaian bekalan, yang juga diburukkan lagi sebahagiannya oleh sekatan pergerakan di China.

[3] Sejak 1 April 2022.

[4] Gaji minimum bulanan dinaikkan daripada RM1,200 kepada RM1,500 bagi syarikat yang mempunyai lima atau lebih pekerja berkuat kuasa 1 Mei 2022.

Meskipun pertumbuhan ekonomi global lebih perlahan, aktiviti eksport kekal berdaya tahan sepanjang tahun 2022. Keadaan ini disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap produk elektrik dan elektronik (*electrical and electronic*, E&E) serta komoditi. Walaupun keadaan kewangan global lebih ketat dan volatiliti adalah lebih tinggi dalam pasaran pertukaran asing, kedudukan luaran Malaysia yang kukuh[5] dan institusi kewangan negara yang teguh telah memastikan pengantaraan kewangan yang terus berjalan dengan lancar untuk menyokong ekonomi.

Secara keseluruhannya, pemulihan ekonomi Malaysia pada tahun 2022 sebahagian besarnya didorong oleh permintaan dalam negeri yang lebih kukuh susulan kegiatan ekonomi yang kembali normal. Walau bagaimanapun, tahap pemulihan adalah berbeza-beza merentas pelbagai sektor ekonomi. Walaupun kegiatan ekonomi dalam industri berorientasikan eksport telah berkembang dengan pesat, beberapa sektor seperti perkhidmatan berkaitan rekreasi kekal di bawah paras sebelum pandemik. Hal ini sebahagian besarnya disebabkan oleh ketibaan pelancong yang hanya pulih pada kadar yang beransur-ansur sepanjang tahun itu.

Inflasi keseluruhan berpurata lebih tinggi pada tahun 2022 pada 3.3% (2021: 2.5%). Inflasi asas, seperti yang diukur oleh inflasi teras,[6] juga meningkat dengan berpurata pada 3.0% (2021: 0.7%). Lonjakan harga komoditi global dan gangguan berkaitan bekalan yang berpanjangan merupakan faktor utama yang mengakibatkan tekanan inflasi yang disebabkan oleh kenaikan kos. Kekukuhan dolar AS yang berterusan berbanding dengan ringgit juga menyebabkan harga import yang lebih tinggi, sekali gus menambahkan tekanan kos. Walaupun inflasi sebahagian besarnya didorong oleh faktor kenaikan kos, permintaan dalam negeri yang kukuh berikutan pembukaan semula ekonomi juga menyumbang kepada tekanan inflasi yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, tekanan menaik terhadap harga dibendung sebahagiannya oleh kawalan harga dalam negeri, subsidi dan lebihan kapasiti yang sedia ada dalam ekonomi.

Memandangkan ekonomi Malaysia berada pada kedudukan yang lebih kukuh, MPC[7] berpandangan bahawa kini adalah masa yang sesuai untuk mula mengurangkan sokongan dasar monetari yang berlebihan. MPC menaikkan OPR secara beransur-ansur menerusi empat kali pelarasan sebanyak 25 mata asas pada mesyuarat bulan Mei, Julai, September dan November 2022. Langkah ini menghasilkan kenaikan OPR secara keseluruhan sebanyak 100 mata asas, sekali gus menaikkan kadar itu kepada paras 2.75% berbanding dengan paras terendah yang pernah dicatatkan iaitu 1.75% pada tahun 2020.

Pada awal tahun 2022, inflasi dalam negeri didorong terutamanya oleh tekanan kos. Walau bagaimanapun, untuk tempoh yang selanjutnya pada tahun itu dan berikutan pemulihan ekonomi, MPC mendapati terdapat beberapa tanda yang menunjukkan inflasi juga didorong oleh permintaan. Sehubungan dengan itu, kenaikan OPR juga bertujuan mengambil langkah awalan untuk mengurangkan potensi risiko permintaan berlebihan yang mendorong kepada paras harga yang lebih tinggi. Langkah ini perlu diambil untuk mengelakkan tekanan harga yang berlebihan secara meluas dan jangkaan inflasi menjadi tidak terkawal.[8] Keadaan inflasi yang tinggi seumpama ini akan memudaratkan ekonomi dan akan menghakis kuasa beli dan simpanan rakyat, lantas menjejaskan terutamanya golongan berpendapatan rendah. Inflasi yang tinggi juga menjejaskan perniagaan disebabkan kos yang meningkat untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan, atau jualan yang lebih rendah disebabkan oleh permintaan yang berkurang. Hal ini akan mendorong kepada kegiatan ekonomi dan pertumbuhan yang lebih perlahan. Jika MPC menunggu sehingga inflasi yang tinggi menjadi tidak terkawal sebelum mengambil tindakan, OPR mungkin perlu dinaikkan dengan lebih cepat dan

[5] Aset mata wang asing Malaysia adalah lebih tinggi berbanding dengan liabiliti mata wang asing.

[6] Inflasi teras dikira dengan mengecualikan barangan yang harganya tidak menentu (contohnya, daging segar, sayur-sayuran dan telur) dan barangan yang harganya ditadbir (contohnya, elektrik, tol jalan raya dan gula).

[7] MPC bermesyuarat enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai dasar monetari. Maklumat lanjut mengenai dasar monetari Malaysia dan MPC boleh didapati dalam bahagian 'Tadbir Urus' laporan ini dan dalam bahagian 'Kestabilan Monetari' melalui laman sesawang Bank (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability).

[8] Jangkaan inflasi boleh mempengaruhi tingkah laku penetapan harga dan upah yang boleh memberikan kesan kepada hasil inflasi sebenar. Sebagai contoh, apabila jangkaan inflasi menjadi tidak terkawal dalam persekitaran inflasi yang tinggi, syarikat akan menjangkakan harga terus meningkat, sekali gus menyebabkan mereka meningkatkan harga barangan dan perkhidmatan pada kadar yang lebih cepat. Pada masa yang sama, pekerja mungkin menuntut gaji yang lebih tinggi atas jangkaan yang mereka akan kehilangan kuasa beli. Kesannya, tingkah laku ini boleh turut menyumbang kepada inflasi sebenar yang lebih tinggi, menjadikannya lebih mencabar bagi bank pusat untuk menguruskan tekanan inflasi.

pada kadar yang lebih besar. Pada masa yang sama, kesan negatif inflasi yang tinggi akan dirasai merentas semua segmen ekonomi, khususnya oleh golongan berpendapatan rendah. Semua faktor ini akan mengakibatkan kerugian yang lebih besar kepada ekonomi. Secara keseluruhannya, dasar monetari kekal akomodatif dan menyokong pertumbuhan ekonomi pada tahun 2022.

Susulan pelarasan OPR, kadar faedah dalam pasaran borong dan runcit menunjukkan trend menaik. Dalam pasaran runcit, kadar pulangan kepada pendeposit dan kadar pinjaman secara amnya meningkat selaras dengan kenaikan OPR. Sepanjang tempoh ini, operasi monetari Bank tertumpu pada usaha memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam sistem perbankan,[9] termasuk selepas tamatnya tempoh fleksibiliti yang diberikan untuk pematuhan terhadap Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement, SRR) pada 31 Disember 2022.[10] Tindakan ini membolehkan pasaran kewangan dan pengantaraan kewangan domestik terus berfungsi dengan teratur bagi menyokong ekonomi.

Bagi peminjam, kesan kenaikan OPR terhadap bayaran balik pinjaman bergantung pada jenis pinjaman. Pinjaman kadar tetap (contohnya kebanyakan pinjaman kereta) yang mencakupi kira-kira 50% daripada jumlah bilangan akaun pinjaman isi rumah[11] tidak terjejas, manakala peminjam dengan pinjaman kadar terapung (terutamanya pinjaman perumahan) perlu membayar ansuran bulanan yang lebih tinggi. Kadar faedah untuk pinjaman baharu juga meningkat selaras dengan pelarasan OPR.

Kadar Pertukaran Ringgit

Seperti kebanyakan mata wang, nilai ringgit menurun berbanding dengan dolar AS pada tahun 2022. Kenaikan kadar dasar yang agresif di AS[12] dan kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global yang lemah menyebabkan pelabur memilih aset dalam denominasi dolar AS. Walau bagaimanapun, ringgit agak stabil berbanding dengan mata wang rakan dagangan utama Malaysia, seperti yang dinilai menggunakan kadar pertukaran efektif nominal (*nominal effective*

Gambar Rajah 1: Angka-angka Utama Dalam Negeri bagi Tahun 2022 secara Sepintas Lalu



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

[9] Bank mengendalikan operasi monetari dengan menggunakan pelbagai instrumen. Maklumat lanjut mengenai pelbagai instrumen yang digunakan oleh Bank boleh didapati dalam bahagian 'Operasi Monetari' melalaui laman sesawang Bank (https://www.bnm.gov.my/web/guest/overview).

[10] Institusi perbankan diberikan fleksibiliti untuk menggunakan Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Investment Issues, MGII) untuk memenuhi pematuhan SRR dari 16 Mei 2020 hingga 31 Disember 2022. Fleksibiliti ini bertujuan untuk menyediakan sokongan mudah tunai yang berterusan pada permulaan pandemik dan ketika pemulihan ekonomi.

[11] Pada akhir bulan Disember 2022.

[12] Berikutan tekanan inflasi yang lebih tinggi, Federal Reserve AS telah menaikkan secara mendadak kadar dana persekutuan secara kumulatif sebanyak 425 mata asas, ke paras tertinggi dalam tempoh 15 tahun antara 4.25% hingga 4.50% menjelang akhir tahun 2022.

exchange rate, NEER). NEER mencatatkan kenaikan nilai marginal sebanyak 0.05% pada tahun 2022, sekali gus membantu mengekalkan daya saing negara.

Malaysia menggunakan rejim kadar pertukaran yang fleksibel. Fleksibiliti ini amat penting bagi membantu ekonomi Malaysia membuat pelarasan terhadap kejutan ekonomi dan kewangan global. Pergerakan dalam kadar pertukaran ringgit, sama ada menambah atau menurun nilai, akan menjadi rujukan kepada perniagaan dan isi rumah dalam melaraskan keputusan penggunaan dan pelaburan mereka secara optimum.[13] Hal ini akhirnya memberikan manfaat kepada ekonomi dalam jangka panjang.

Meskipun nilai ringgit ditentukan oleh pasaran, peranan Bank adalah untuk memastikan pasaran kadar pertukaran ringgit terus berfungsi dengan teratur.[14] Dalam erti kata lain, Bank mengendalikan operasi pertukaran asing untuk memastikan tidak berlakunya perubahan secara mendadak atau berlebihan dalam kadar pertukaran ringgit yang boleh mengganggu kegiatan ekonomi (seperti eksport dan pelaburan). Bank bertindak sedemikian dengan memasuki pasaran untuk membeli dan menjual ringgit. Hal ini bagi memastikan mudah tunai dua hala yang mencukupi dalam pasaran kadar pertukaran ringgit semasa tempoh tekanan pasaran; sebagai contoh, semasa berlakunya volatiliti yang tinggi dalam pasaran kewangan apabila Federal Reserve AS mengetatkan dasar monetarinya pada kadar yang lebih pantas pada tahun 2022. Bank juga terus memperdalam pasaran pertukaran asing, bagi menggalakkan akses kepada instrumen lindung nilai untuk membantu perniagaan menguruskan risiko pertukaran asing mereka dengan lebih baik.[15]

Analisis dan Penyelidikan

Pada sepanjang tahun 2022, penyelidikan dasar dan analisis yang dijalankan oleh Bank tertumpu pada penilaian daya tahan pemulihan ekonomi dan tekanan inflasi yang semakin meningkat. Dari segi daya tahan ekonomi, Bank mengemas kini penilaian mengenai pemulihan pasaran pekerja dalam negeri dan kekukuhan penggunaan swasta. Penilaian ini termasuk membuat analisis mengenai tahap lebihan kapasiti (permintaan terhadap guna tenaga yang tidak dipenuhi), penentu-penentu produktiviti pekerja dan kesan sokongan dasar terhadap penggunaan.[16] Selain itu, Bank juga menganalisis cara faktor luaran boleh memberikan kesan terhadap ekonomi Malaysia yang sangat terbuka. Hal ini dibuat dengan menjalankan analisis senario untuk mengukur potensi kesan luaran terhadap keadaan kewangan, inflasi dan KDNK. Penilaian Bank juga termasuk pemeriksaan yang terperinci terhadap saluran di mana perubahan harga komoditi global berpotensi mempengaruhi inflasi dalam negeri dan potensi risiko jangkaan inflasi menjadi tidak terkawal di Malaysia.[17] Kesan kadar pertukaran terhadap ekonomi dan inflasi diberikan penekanan khusus dalam pengawasan dan penyelidikan dasar Bank.[18] Bank turut mempertimbangkan kesan volatiliti pasaran kewangan global terhadap pengantaraan kewangan domestik dan daya tahan sistem perbankan.

Berikutan kenaikan OPR, Bank sentiasa menilai transmisi kadar faedah yang lebih tinggi kepada pasaran kewangan domestik, sistem perbankan, ekonomi dan inflasi. Penilaian yang menyeluruh ini merangkumi kesan transmisi ini terhadap kredit dan pembiayaan, serta aktiviti penggunaan dan pelaburan.

Bank memberikan sumbangan kepada beberapa kumpulan dasar Kerajaan dengan memberikan tumpuan pada keutamaan ekonomi yang sangat penting seperti inflasi, pelaburan, pekerja dan jaringan keselamatan sosial. Sebagai contoh, Bank memberikan pandangan dan nasihat dasar mengenai pelbagai inisiatif kos sara hidup dari sudut makroekonomi. Selain itu, Bank menyumbang kepada penggubalan Akta Tanggungjawab Fiskal yang bertujuan untuk memastikan kemantapan fiskal negara secara keseluruhan. Bank juga memberikan bantuan teknikal dalam penyelidikan keberkesanan

[13] Sebagai contoh, apabila nilai kadar pertukaran menurun, barangan dalam negeri yang dijual di luar negeri (eksport) menjadi lebih murah berbanding dengan barangan dari luar negeri (import). Hal ini akan menghasilkan insentif kepada peningkatan eksport berbanding dengan import, lantas menambah baik imbangan perdagangan. Kesannya, hal ini akan membawa kepada peningkatan penggunaan, pelaburan dan inflasi bagi ekonomi dalam negeri. Hal sebaliknya berlaku untuk penambahan nilai kadar pertukaran.

[14] Maklumat lanjut mengenai ringgit boleh didapati pada bahagian 'Dasar Kadar Pertukaran Ringgit' melalui laman sesawang Bank (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability/ringgit).

[15] Maklumat lanjut mengenai inisiatif pembangunan pasaran kewangan boleh didapati pada bahagian 'Inisiatif Pembangunan Pasaran' melalui laman sesawang Bank (https://www.bnm.gov.my/committees/fmc).

[16] Perbincangan lanjut tentang menilai lebihan kapasiti dan ketegangan dalam pasaran pekerja boleh didapati dalam rencana bertajuk 'Pendekatan Analisis untuk Menilai Keadaan Pasaran Pekerja dan Implikasi kepada Dasar Monetari' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2022 Bank Negara Malaysia.

[17] Maklumat lanjut boleh didapati dalam rencana bertajuk 'Trend Harga Komoditi Global, Dinamik Inflasi dan Tindak Balas Dasar: Kajian di Malaysia' dalam Buletin Suku Tahunan S3 2022 Bank Negara Malaysia.

[18] Perbincangan lanjut mengenai kadar pertukaran ringgit boleh didapati dalam rencana bertajuk 'Kadar Pertukaran Ringgit dan Ekonomi Malaysia' dalam laporan ini.

vaksin COVID-19 untuk menyokong dasar pemberian vaksin dan dasar epidemik yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Hasilnya, bantuan ini menyumbang kepada peralihan yang lancar ke fasa endemik dan pemulihan ekonomi yang berterusan.

Penyelidikan Bank berhubung dengan merangsang semula pelaburan di Malaysia mencapai hasilnya dengan pelancaran Dasar Pelaburan Baharu (New Investment Policy, NIP) yang berasaskan Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspirations).[19] NIP berfungsi sebagai rangka kerja berwawasan bagi Malaysia untuk membuat penyesuaian dengan perubahan landskap ekonomi global dan memacu pelaburan dalam sektor pertumbuhan pada masa hadapan. Usaha sokongan dasar Bank juga memberikan keutamaan kepada agenda hijau. Sokongan ini termasuk memberikan saranan kepada Dasar Tenaga Negara (National Energy Policy) dan menjalinkan perkongsian strategik untuk menggalakkan inovasi bersama serta pelaburan dalam teknologi bersih.[20] Usaha ini sejajar dengan matlamat Bank yang lebih luas untuk mewujudkan peluang pertumbuhan baharu bagi ekonomi dan pada masa yang sama mengurangkan risiko peralihan disebabkan oleh perubahan iklim.

Bank juga menyumbang kepada usaha mempertingkatkan landskap perlindungan sosial di Malaysia.[21] Usaha Bank termasuk mencadangkan penambahbaikan kepada rangka kerja jaringan keselamatan sosial (*social safety nets*, SSN),[22] menyokong akses yang lebih baik kepada pilihan insurans (contohnya Perlindungan Tenang), serta campur tangan dasar yang bertujuan untuk membina semula simpanan persaraan.[23] Bagi meningkatkan prospek peluang pekerjaan dan pendapatan, Bank mencadangkan model berdaya maju untuk program latihan yang disesuaikan mengikut keperluan. Bank turut menggalakkan mobiliti menaik dan pembelajaran sepanjang hayat bagi semua orang dewasa dalam kumpulan umur bekerja, termasuk menerusi perangkaian program bantuan sosial dan insurans dengan dasar pasaran pekerja aktif (*active labour market policies*, ALMP) yang lebih baik.[24] Semua saranan ini menjurus ke arah membina sistem perlindungan sosial yang lebih komprehensif dan inklusif untuk semua rakyat Malaysia.

Komunikasi dan Jangkauan

Pada tahun 2022, Bank telah meningkatkan usaha untuk menambah baik komunikasi dasar monetari. Bank berusaha untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada orang ramai mengenai keputusan dasar monetari Bank dan memperluas saluran interaksi dan perbincangan dengan pihak berkepentingan yang berbeza menggunakan bentuk kandungan bersasar. Langkah ini termasuk mempermudah akses kepada maklumat dan meningkatkan interaksi dengan orang ramai, penganalisis, media dan wakil Kerajaan.[25]

Satu inisiatif penting yang diperkenalkan oleh Bank ialah Ringkasan (Snapshot) Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) yang mengiringi pernyataan tersebut. MPS Snapshot ialah ringkasan MPS yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman orang ramai dengan memudahkan istilah yang teknikal dan menerangkan keputusan OPR dengan lebih ringkas dan mudah difahami. Senarai soalan lazim mengenai dasar monetari juga disediakan melalui laman sesawang Bank.[26] Inisiatif-inisiatif ini adalah sejajar dengan matlamat jangka panjang Bank untuk meningkatkan pemahaman dan jangkauan berhubung dengan dasar monetari. Pada masa yang sama, semua usaha ini turut membantu menjawab kebimbangan orang ramai mengenai keputusan OPR pada tahun itu.

Pada tahun 2022 juga, edisi ketiga Cabaran Dasar Monetari Kursi Tun Ismail Ali (Tun Ismail Ali Chair, TIAC) telah diadakan.[27] Dalam cabaran ini, pelajar sarjana muda daripada universiti-universiti di Malaysia

[19] NIP dilancarkan pada 6 Oktober 2022.
[20] Teknologi bersih merujuk bidang seperti kenderaan elektrik, *agritech*, hidrogen serta perolehan, penggunaan dan penyimpanan karbon (*carbon capture, utilisation and storage*, CCUS).
[21] Perlindungan sosial berfungsi sebagai alat penstabilan makroekonomi yang penting, terutamanya dengan memberikan sokongan kepada golongan yang mudah terjejas.
[22] Penambahbaikan kepada rangka kerja SSN termasuk menyatukan bantuan yang bertindih dan mengukuhkan mekanisme penentuan sasaran (contohnya untuk mengenal pasti penerima bagi bantuan bersasar). Hal ini akan mempertingkatkan dengan lebih baik keupayaan dasar SSN untuk meningkatkan dan memperkukuh keselamatan ekonomi bagi golongan yang mudah terjejas.
[23] Maklumat lanjut boleh didapati dalam rencana 'Membina Semula Simpanan Persaraan dan Jaringan Keselamatan Kewangan di Malaysia' dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2022 Bank Negara Malaysia.
[24] Contoh-contoh ALMP termasuk khidmat latihan, peningkatan kemahiran, peluang perantisan dan penempatan pekerjaan.
[25] Maklumat lanjut mengenai interaksi Bank dengan orang ramai sepanjang tahun 2022 boleh didapati melalui bab 'Menyantuni Rakyat Malaysia' dalam laporan ini.
[26] https://www.bnm.gov.my/monetary-stability.
[27] Kursi Tun Ismail Ali telah ditubuhkan oleh Bank pada 28 Ogos 2000 untuk menggalakkan dan merangsang penyelidikan, komentari dan interaksi orang ramai mengenai isu-isu yang berkaitan dengan dasar monetari dan kewangan yang memberikan kesan kepada Malaysia dan seluruh dunia. Cabaran TIAC bertujuan untuk menggalakkan minat dalam kalangan pelajar universiti terhadap dasar monetari dan dasar awam. Maklumat lanjut mengenai TIAC boleh didapati melalui laman sesawangnya (https://tunismailalichair.my/).



Ketiga-tiga orang mahasiswa daripada University of Nottingham Malaysia ini muncul sebagai juara Cabaran Dasar Monetari TIAC yang ketiga pada tahun 2022.



Penolong Gabenor Fraziali Ismail, Profesor Dr. Yeah Kim Leng (Profesor Ekonomi, Universiti Sunway) dan Shakira Teh Sharifuddin (Ahli Ekonomi Kanan Malaysia, Bank Dunia) menilai pembentangan pelajar pada peringkat akhir Cabaran Dasar Monetari TIAC pada tahun 2022.



MPS Snapshot yang meringkaskan keputusan MPC pada bulan Mac 2023.

diberikan peluang yang unik untuk mensimulasikan peranan MPC. Para peserta ditugaskan untuk merumuskan dasar monetari bagi ekonomi tertentu berdasarkan penilaian mereka terhadap keadaan ekonomi dan pasaran kewangan. Dalam usaha untuk terus berinteraksi dengan pelajar universiti, Bank juga telah mengadakan webinar TIAC Talks yang julung kali diadakan dan tertumpu pada perkongsian pandangan yang bermanfaat mengenai isu-isu monetari dan ekonomi kewangan. Tumpuan pada tahun 2022 adalah pada topik inflasi dan kebimbangan mengenai kos sara hidup.

Bank meneruskan kerjasama dengan ahli akademik melalui Program Felo Penyelidik Tamu (Visiting Research Fellowship, VRF).[28] Program ini membolehkan Bank mengembangkan penyelidikan mengenai monetari dan ekonomi kewangan dengan menghasilkan penerbitan bersama. Kertas kerja pertama telah diterbitkan pada bulan Oktober 2022.[29] Melalui inisiatif seperti program VRF, sasaran Bank adalah untuk menggalakkan pemahaman yang lebih baik tentang isu-isu kompleks yang menyokong keputusan dasar monetari. Kerjasama dengan pakar-pakar dalam kalangan cendekiawan juga membolehkan Bank memanfaatkan pelbagai perspektif dan pandangan yang lebih luas. Hasilnya, kerjasama ini akan meningkatkan keupayaan Bank untuk membuat keputusan berdasarkan maklumat yang mencukupi, sekali gus memberikan manfaat kepada ekonomi secara lebih luas.

Langkah Selanjutnya

Meskipun pertumbuhan ekonomi Malaysia telah melebihi tahap sebelum pandemik pada tahun 2022, ekonomi Malaysia dijangka menghadapi

[28] Program ini telah dilancarkan pada bulan Oktober 2020.

[29] Penerbitan penyelidikan bersama yang bertajuk 'Fiscal multiplier in Malaysia: Concept, empirical assessment and policy implication' boleh didapati melalui laman sesawang Bank (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/826852/lau_maryam_fahrulradzi_helmi_2022.pdf).

rintangan pada tahun 2023, terutamanya berikutan perkembangan global. Keadaan akan terus berubah-ubah dan keadaan pertumbuhan global serta pasaran kewangan global terus diselubungi ketidakpastian berikutan dasar monetari dalam ekonomi utama yang semakin ketat serta isu terkini sektor perbankan, konflik geopolitik dan gangguan rantaian bekalan. Dalam keadaan yang mencabar ini, Bank kekal komited untuk memastikan kestabilan harga bagi menyokong pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan. Pengembalian tahap akomodatif dasar monetari ke paras yang wajar yang seterusnya akan dimaklumkan oleh perkembangan keadaan serta implikasinya terhadap prospek inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. Operasi monetari akan terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran pertukaran asing, wang dan bon Kerajaan. Operasi monetari akan turut menjadi pelengkap kepada dasar Bank yang lain untuk memastikan kelancaran fungsi pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan.

Memandangkan saat terburuk dalam krisis pandemik sudahpun berlalu, Bank perlu memberikan tumpuan pada usaha memulihkan semula kekukuhan serta asas-asas ekonomi sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang kejutan pada masa hadapan. Usaha ini termasuk pembinaan semula ruang dasar serta meningkatkan semula penampan isi rumah dan perniagaan yang telah susut, menerusi pengukuhan liputan perlindungan sosial bagi masa hadapan, menggalakkan simpanan serta memperkukuh ketangkasan dan inovasi perniagaan. Bank akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan mengenai langkah-langkah dasar yang relevan, terutamanya pembaharuan struktur untuk memperkukuh daya tahan ekonomi Malaysia secara keseluruhan untuk masa hadapan.

Kadar Pertukaran Ringgit dan Ekonomi Malaysia

Pada tahun 2022, kadar pertukaran ringgit mengalami tempoh penurunan nilai yang berterusan berbanding dengan dolar AS. Walaupun pergerakan kecil dalam kadar pertukaran ringgit merupakan perkara biasa, turun naik yang besar dalam paras ringgit boleh menyebabkan kesan yang berkekalan pada perniagaan, isi rumah dan ekonomi. Kebimbangan mula timbul apabila kadar pertukaran ringgit berbanding dengan dolar AS menghampiri paras yang dialami kali terakhir semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) (Rajah 1). Malah terdapat beberapa desakan agar ringgit ditambat bagi mengelakkannya daripada terus jatuh.

Rajah 1: Prestasi Ringgit Berbanding dengan Dolar AS



Nota:
1. Siri RM/USD adalah pada akhir bulan, hingga 20 Mac 2023.
2. Kadar pertukaran RM/USD yang digunakan di sini ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Bagi memahami peranan kadar pertukaran dalam ekonomi Malaysia, perlu diingatkan bahawa pergerakan kadar pertukaran akan mempengaruhi keputusan isi rumah dan perniagaan serta akan memberikan kesan terhadap kegiatan ekonomi secara agregat. Bagi negara yang mempunyai kadar pertukaran yang fleksibel seperti Malaysia, nilai ringgit boleh bertambah dan menurun secara berkala. Dalam tempoh jangka masa yang lebih panjang, kadar pertukaran ringgit perlu ditentukan oleh asas-asas ekonomi negara berbanding dengan rakan perdagangan utama. Dalam dunia kewangan yang bersepadu, pergerakan jangka pendek dalam kadar pertukaran juga sangat dipengaruhi oleh aliran kewangan rentas sempadan dan sentimen risiko pelabur, yang sering dipengaruhi oleh perkembangan global dan tidak semestinya mencerminkan asas-asas ekonomi negara kita.

Situasi ini berlaku pada tahun 2022 apabila Federal Reserve AS menaikkan kadar faedah dasarnya secara agresif iaitu sebanyak 425 mata asas kepada julat sasaran 4.25-4.50% untuk menangani inflasi.[1] Pulangan yang lebih tinggi ke atas aset kewangan AS meningkatkan permintaan untuk aset-aset ini dan mendorong kepada tempoh penambahan nilai dolar AS yang berterusan. Kesannya, mata wang lain termasuk mata wang utama dan ringgit mengalami penurunan nilai berbanding dengan dolar AS pada tahun tersebut (Rajah 2). Penurunan nilai ini merupakan satu trend global dan secara amnya tidak menunjukkan sebarang kelemahan asas dalam ekonomi yang terjejas di rantau ini dan pada peringkat global.

[1] Sejak permulaan tahun 2023, Federal Reserve AS terus meningkatkan kadar faedah dasarnya sebanyak 50 mata asas lagi kepada julat sasaran 4.75-5.00% (setakat akhir bulan Mac 2023).

Rajah 2: Prestasi Mata Wang Utama dan Serantau Berbanding dengan Dolar AS pada Tahun 2022



Nota:
1. Kadar pertukaran RM/USD yang digunakan untuk pengiraan di sini ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur.
2. NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal ringgit. Ia merupakan indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding mata wang rakan perdagangan utama Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bloomberg

Sehubungan dengan itu, kesan kadar pertukaran ringgit terhadap ekonomi Malaysia bukan sahaja ditentukan oleh perkembangan dalam kadar pertukaran dua hala berbanding dengan dolar AS. Sebagai sebuah negara perdagangan yang juga mempunyai hubungan pelaburan penting dengan banyak negara, penilaian perlu mempertimbangkan pergerakan nilai ringgit berbanding dengan rakan perdagangan utama negara. Hal ini akan memberikan pemahaman sama ada daya saing relatif Malaysia telah terjejas oleh pergerakan kadar pertukaran.[2] Ukuran yang lazim untuk menilai perkara ini ialah kadar pertukaran efektif nominal (*nominal effective exchange rate*, NEER).[3] Pada tahun 2022, walaupun ringgit mengalami penurunan nilai secara mendadak berbanding dengan dolar AS, NEER Malaysia secara relatifnya stabil (Rajah 2). Memandangkan mata wang rakan perdagangan utama terjejas sama seperti ringgit, daya saing relatif Malaysia kekal tidak berubah.

Sama ada nilai kadar pertukaran menambah atau menurun, sudah pasti akan ada pihak yang untung dan rugi dalam ekonomi dalam negeri. Penurunan nilai ringgit merugikan individu yang menggunakan barangan dan perkhidmatan import dan jika keadaan ini berterusan, boleh menyebabkan kenaikan kos sara hidup secara keseluruhan. Pada masa yang sama, nilai ringgit yang lemah boleh meningkatkan pendapatan pengeksport. Sebaliknya, penambahan nilai ringgit dapat memberikan manfaat kepada mereka yang mengimport barangan, perkhidmatan dan melancong ke luar negara, namun merugikan pengeksport dan industri pelancongan dalam negeri. Apabila pergerakan kadar pertukaran ini berlaku, pelarasan tersebut perlu teratur bagi memastikan kegiatan ekonomi dapat diteruskan. Tumpuan rejim kadar pertukaran negara tidak seharusnya pada memilih sektor yang untung atau rugi. Sebaliknya, matlamat utama adalah untuk memastikan manfaat jangka panjang bagi ekonomi secara keseluruhan.

Rejim kadar pertukaran dan sistem kewangan Malaysia telah berkembang sejak beberapa tahun kebelakangan ini demi memenuhi keperluan yang kian meningkat bagi ekonomi dalam negeri yang semakin berorientasikan pasaran. Dalam hal ini, rejim kadar pertukaran fleksibel semasa telah membawa manfaat kepada perniagaan dan isi rumah Malaysia. Sebagai harga luaran, kadar pertukaran menyampaikan isyarat yang penting kepada

[2] Kadar pertukaran hanyalah satu daripada banyak faktor lain yang boleh menjejaskan daya saing relatif Malaysia. Faktor lain termasuk faktor struktur seperti kedudukan dalam rantaian bekalan global serta iklim perniagaan dan pelaburan dalam negeri.
[3] NEER merujuk kepada kadar pertukaran efektif nominal ringgit. Ia merupakan indeks yang mengukur prestasi ringgit berbanding dengan mata wang rakan perdagangan utama Malaysia.

perniagaan untuk memandu mereka ke arah peluang pelaburan yang mampan selain memperuntukkan sumber mereka secara optimum. Begitu juga bagi isi rumah, kadar pertukaran dapat membantu mereka membuat pilihan penggunaan seperti meningkatkan atau mengurangkan pembelian barangan import, serta melancong ke luar negara atau di dalam negara.

Lebih penting lagi, rejim kadar pertukaran yang fleksibel memudahkan Malaysia untuk membuat penyesuaian terhadap kejutan ekonomi dan kewangan antarabangsa. Sebagai contoh, penurunan nilai ringgit boleh membantu mengurangkan kesan kejutan luaran terhadap ekonomi dalam negeri, seperti penurunan harga komoditi global yang mendadak. Salah satu contoh ialah pengalaman Malaysia semasa kejutan harga minyak pada tahun 2015. Harga minyak mentah Brent merosot sebanyak 68% daripada USD115 setong pada 19 Jun 2014 kepada USD37 setong pada 22 Disember 2015. Berikutan kedudukan Malaysia sebagai pengeksport minyak bersih, sektor minyak dan gas domestik terjejas teruk oleh situasi ini dan seterusnya menyebabkan penstrukturan semula dalam industri. Malah, sektor minyak dan gas telah melalui perubahan struktur yang besar, melibatkan pensaizan wajar (*rightsizing*) bagi banyak peserta industri. Walau bagaimanapun, struktur ekonomi Malaysia yang pelbagai telah membantu mengehadkan kesan limpahan negatif kepada seluruh ekonomi. Khususnya, penurunan nilai ringgit juga menyokong kedudukan daya saing sektor bukan komoditi negara. Sektor-sektor ini memberikan sokongan kepada guna tenaga dan pertumbuhan ekonomi keseluruhan dalam tempoh tersebut.

Pada tahun 2022, rejim kadar pertukaran yang fleksibel juga membantu penyesuaian ekonomi Malaysia terhadap perubahan keadaan luaran tanpa mengganggu pemulihan ekonomi negara. Meskipun terdapat kejutan luaran yang besar dalam bentuk pelarasan kadar faedah yang pantas serta besar di AS yang menyebabkan penambahan nilai dolar AS yang pesat berbanding dengan kebanyakan mata wang, daya saing Malaysia secara relatifnya tidak terjejas. Ekonomi dalam negeri kekal berada pada landasan pemulihan dengan mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 8.7% bagi tahun itu.

Penurunan nilai pada kadar pertukaran diakui telah menyebabkan kos import yang lebih tinggi. Pindahan kepada inflasi domestik paling ketara bagi barangan makanan segar yang diimport secara terus, seperti daging lembu dan sayur-sayuran terpilih. Berikutan bahan makanan lazimnya membentuk bahagian yang lebih besar dalam kumpulan penggunaan isi rumah (*consumption basket*) bagi golongan yang mudah terjejas, hal ini menimbulkan kebimbangan terhadap kos sara hidup. Kawalan harga domestik dan subsidi ke atas harga bahan api sedikit sebanyak telah membantu membendung kesan yang lebih meluas bagi penurunan nilai kadar pertukaran terhadap inflasi.

Namun demikian, kadar pertukaran yang sangat tidak menentu itu sendiri boleh menjadi punca kelemahan ekonomi dalam negeri. Perubahan besar kadar pertukaran dalam masa yang singkat boleh memburukkan lagi ketidakpastian serta menyebabkan individu dan syarikat menangguhkan keputusan penggunaan dan pelaburan. Jika berterusan, situasi ini akan menimbulkan risiko kepada prospek ekonomi dalam negeri untuk jangka panjang. Bagi mengurangkan risiko tersebut, Bank Negara Malaysia (Bank) melaksanakan operasi pertukaran asing[4] untuk membendung volatiliti kadar pertukaran yang berlebihan dan mengekalkan keadaan pasaran yang teratur.

Kadar pertukaran yang fleksibel juga telah menyumbang untuk menjadikan pasaran domestik lebih terbuka dan menarik kepada pelabur global. Keterbukaan kewangan yang lebih besar juga bermakna pasaran domestik kini lebih terdedah kepada perkembangan kewangan global. Walau bagaimanapun, limpahan telah dibendung disebabkan oleh dua faktor utama. Pertama, kehadiran kumpulan pelabur institusi domestik yang besar, antaranya termasuk bank, dana pencen dan institusi insurans, bagi memudahkan aliran pelaburan asing. Sejak beberapa tahun yang lalu, perkara ini telah mengurangkan pelarasan besar dalam harga aset domestik. Seterusnya, hal ini telah membantu memelihara dan menyokong pulangan bagi simpanan isi rumah yang diuruskan oleh institusi-institusi ini. Kedua, pasaran lindung nilai domestik yang berkembang sejak beberapa

[4] Operasi pertukaran asing oleh bank pusat ialah usaha untuk memastikan keadaan pasaran yang teratur dalam pasaran pertukaran asing (*foreign exchange*, FX) dalam negeri dengan menguruskan mudah tunai melalui pembelian atau penjualan mata wang asing dan domestik dengan rakan niaga seperti bank perdagangan.

tahun yang lalu untuk melindungi syarikat daripada pergerakan kadar pertukaran luar jangka juga telah mengurangkan tahap kejutan luaran.

Kejatuhan nilai ringgit secara pantas dan agak besar berbanding dengan dolar AS pada tahun 2022 telah menimbulkan beberapa desakan agar ringgit ditambat semula kepada dolar AS, sama seperti dasar yang diambil semasa AFC. Adakah tindakan ini merupakan langkah dasar yang betul jika diambil? Menggunakan analogi perubatan, punca penyakit perlu didiagnosis dengan betul terlebih dahulu sebelum rawatan diberikan. Sama seperti perlunya memilih jenis dan dos ubat yang betul untuk menyembuhkan penyakit yang dikesan, punca sesebuah isu ekonomi juga perlu dipastikan sebelum menetapkan jalan penyelesaian. Walaupun dua pesakit menunjukkan simptom yang sama, punca utamanya mungkin berbeza. Oleh itu, bentuk rawatan juga boleh berbeza. Tambahan lagi, doktor yang baik perlu memastikan bahawa rawatan yang diberikan tidak memburukkan lagi keadaan pesakit.

Semasa AFC, ekonomi dan sistem kewangan Malaysia menghadapi masalah yang rumit apabila kedudukan kewangan bank, syarikat dan isi rumah terjejas teruk akibat penurunan nilai ringgit secara pantas dan kerugian penilaian dalam pasaran ekuiti domestik. Sebagai sebahagian daripada langkah dasar segera, ringgit ditambat kepada dolar AS pada RM3.8000 seiring dengan pengenalan langkah kawalan pertukaran asing terpilih. Langkah-langkah ini berkesan untuk menyediakan persekitaran luaran yang stabil untuk bank dan perniagaan serta ruang untuk mengukuhkan kedudukan kewangan mereka. Walau bagaimanapun, keadaan hari ini adalah berbeza (Jadual 1). Pembaharuan dan langkah dasar telahpun dilaksanakan untuk mengurangkan kelemahan luaran Malaysia. Kedudukan kewangan perniagaan dan bank kini jauh lebih berdaya tahan berbanding dahulu. Pasaran kewangan domestik juga jauh lebih maju dan mampu menahan kejutan kewangan luaran tanpa menjejaskan keupayaan bank-bank untuk menyokong kegiatan ekonomi.

Jadual 1: Perbandingan Asas-asas Ekonomi

	AFC (1997-98)	2022
RM/USD (perubahan % tahunan)	-47%[1]	-5.4%
KDNK benar (perubahan % tahunan)	-7.4%[2]	8.7%
Kedudukan pelaburan antarabangsa bersih (IIP, akhir tahun)	-RM 137.6 bilion[3]	RM 63.0 bilion
Rizab antarabangsa (akhir tahun)	USD 21.7 bilion[4]	USD 114.6 bilion
Liputan rizab antarabangsa ke atas hutang luar negeri jangka pendek[6]	1.4 kali[4]	1.0 kali
Akaun semasa (tahunan)	-RM 16.7 bilion[4]	RM 47.2 bilion
Nisbah pinjaman terjejas kasar sistem perbankan (% daripada jumlah pinjaman)	18.6%[2]	1.7%
Hutang Kerajaan dalam denominasi mata wang asing (% jumlah hutang Kerajaan)	19.1%[5]	2.7%

[1] Dari 10 Julai 1997 hingga 7 Januari 1998 [2] 1998 [3] 2001 [4] 1997 [5] 2000 [6] Pada tahun 2014, hutang luar negeri Malaysia telah didefinisikan semula. Khususnya berhubung dengan hutang luar negeri jangka pendek, definisi baharu termasuk 1) peminjaman mata wang asing antara bank, 2) peminjaman mata wang asing antara syarikat, 3) pinjaman mata wang asing lain yang termasuk peminjaman syarikat tidak berkaitan, 4) kredit perdagangan, 5) pemegangan instrument pasaran wang domestik oleh bukan pemastautin, 6) mata wang dan deposit serta 7) liabiliti lain (peruntukan SDR oleh IMF, serta liabiliti kumpulan wang pencen dan syarikat insurans hayat kepada bukan permastautin). Sebagai perbandingan, definisi hutang luar negeri jangka pendek sebelum ini hanya termasuk item 1) hingga 3). Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan – Suku Pertama 2014.

Nota: Kadar pertukaran RM/USD yang digunakan di sini ialah kadar purata belian dan jualan pada pukul 12.00 tengah hari dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Antara Bank Kuala Lumpur.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Memperkenalkan dan mengekalkan tambatan ringgit pada masa kini dengan cara sama yang dilakukan semasa AFC akan memerlukan pelaksanaan kawalan modal terhadap aliran kewangan. Tanpa kawalan modal, rejim kadar pertukaran tersebut memerlukan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) untuk dipadankan dengan kenaikan kadar faedah mata wang negara ringgit ditambat, iaitu dolar AS. Dalam hal ini, OPR perlu dinaikkan sebanyak 475 mata asas (melebihi empat kali kenaikan 100 mata asas terkumpul) untuk sepadan dengan kenaikan kadar dana persekutuan (*federal funds rate*). Keperluan ini akan lebih mengekang ekonomi disebabkan oleh kos peminjaman yang jauh lebih tinggi. Di samping itu, jumlah rizab antarabangsa yang jauh

lebih tinggi diperlukan untuk mengekalkan kredibiliti tambatan sebagai pertahanan terhadap spekulator.[5] Selain itu, mengekalkan rizab pertukaran asing yang besar boleh menyebabkan kos lepas (*opportunity cost*) yang lebih tinggi kerana aset-aset ini lazimnya dilaburkan dalam aset kewangan mudah tunai tetapi menjana hasil yang lebih rendah.

Kawalan pertukaran asing terpilih adalah diperlukan dan berkesan semasa AFC disebabkan oleh keadaan pada masa itu.[6] Pelaksanaan kawalan ini ketika AFC disasarkan untuk menstabilkan aliran modal jangka pendek dan selepas itu telah diliberalisasikan. Lebih penting lagi, kawalan tersebut telah membolehkan negara melaksanakan pembaharuan yang diperlukan bagi mengukuhkan sistem perbankan dan sektor korporat. Sekiranya gesaan untuk melaksanakan semula penambatan ringgit setiap kali ringgit menurun nilai dipenuhi, hal ini mungkin bermakna kawalan modal perlu diaktifkan atau dihentikan bersilih ganti. Tindakan ini akan mewujudkan persekitaran yang tidak stabil dan sukar diramal bagi pelabur dan perniagaan. Hal ini boleh menghalang pelabur antarabangsa daripada menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan. Dalam jangka panjang, hal ini boleh menghalang pelaburan, inovasi dan potensi pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Akhirnya, situasi ini akan mengorbankan produktiviti ekonomi masa hadapan serta mengakibatkan kerugian kebajikan yang ketara (Forbes, 2007; Gadanecz dan Mehrotra, 2013).

Rejim kadar pertukaran Malaysia yang fleksibel menyebabkan turun naik dalam ringgit perlu dijangka berlaku dari semasa ke semasa. Malah, sejak jatuh ke paras terendah berbanding dengan dolar AS iaitu sebanyak RM4.7477 pada 4 November 2022, nilai ringgit telah meningkat semula untuk mencecah RM4.2435 pada 30 Januari 2023.[7] Berikutan cabaran dalam ekonomi global yang terus berubah, perkembangan dolar AS mungkin akan terus menjadi faktor utama yang memberikan kesan pada kadar pertukaran ringgit. Sistem kewangan negara telah bertahan dengan baik sepanjang tempoh ini dan terus memudahkan pengantaraan untuk menyokong ekonomi yang lebih luas. Berikutan pelbagai peristiwa pada tahun 2022, Bank akan terus memantau perkembangan secara proaktif dan memastikan ekonomi negara terus didukung oleh rejim kadar pertukaran yang menyokong mandat Bank bagi mencapai kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Rujukan

Forbes, K. J. (2007). The microeconomic evidence on capital controls: no free lunch. In *Capital Controls and Capital Flows in Emerging Economies: Policies, Practices, and Consequences* (pp. 171-202). University of Chicago Press.

Gadanecz, B., & Mehrotra, A. N. (2013). The exchange rate, real economy and financial markets. *BIS paper,* (73b).

[5] Jika stok rizab antarabangsa dinilai tidak mencukupi untuk mengekalkan kadar pertukaran pada paras yang ditambat, hal ini boleh memaksa bank pusat untuk menurunkan nilai mata wangnya dalam tempoh tekanan pasaran kewangan. Pelarasan mendadak dan kesannya terhadap sentimen mungkin akan lebih memudaratkan ekonomi berbanding dengan pelarasan kadar pertukaran yang teratur di bawah rejim kadar pertukaran fleksibel.

[6] Pelaksanaan kawalan pertukaran asing terpilih bertujuan menghapuskan akses kepada spekulator mata wang dan menstabilkan pergerakan aliran modal jangka pendek. Oleh itu, kawalan memerlukan aliran masuk modal untuk kekal di negara ini bagi tempoh sekurang-kurangnya 12 bulan. Yang penting, kawalan tidak dikenakan ke atas urus niaga akaun semasa, penghantaran balik pendapatan daripada pelaburan portfolio dan jenis aliran aset ringgit serta aliran pelaburan langsung asing yang lain.

[7] Kadar RM/USD ini berdasarkan kadar pada akhir hari.

Inflasi: Dua tahun selepas pandemik

1 Sepanjang dua tahun lepas, perkembangan harga pengguna beralih daripada disinflasi kepada inflasi

Rajah 1: Inflasi keseluruhan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan penilaian Bank Negara Malaysia

2 Terutamanya, pandemik COVID-19 mendorong kepada perubahan dinamik permintaan dan penawaran

Rajah 2: Kejutan ekonomi daripada pandemik

Kejutan permintaan	▼ Kawalan pergerakan ▼ Kehilangan pekerjaan dan pendapatan ▲ Permintaan terpendam susulan pembukaan semula ekonomi Malaysia ▲ Sokongan dasar berkaitan dengan pandemik
Kejutan bekalan	▲ Gangguan rantaian bekalan global dan kekurangan input diimport ▲ Penutupan pelabuhan dan kos pengangkutan lebih tinggi ▲ Kos Prosedur Operasi Standard pandemik

Petunjuk:

▲ Kesan menaik kepada inflasi
▼ Kesan menurun kepada inflasi

Sumber: Penilaian Bank Negara Malaysia

3 Pada tahun 2020-2021, dinamik inflasi sebahagian besarnya didorong oleh perkembangan pandemik. Walau bagaimanapun, pada tahun 2022, tekanan inflasi mula dicatatkan dalam kebanyakan item IHP justeru menunjukkan faktor selain pandemik telah menjadi lebih ketara dalam mendorong inflasi

Rajah 3: Inflasi mengikut sensitiviti terhadap pandemik

Kaedah inflasi sensitif-COVID secara ringkas (untuk maklumat lanjut, rujuk Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2021: Anatomi Inflasi: Kesan daripada Pandemik yang Berpanjangan):

1. Item IHP diklasifikasikan kepada dua kategori: Item yang secara statistik sensitif kepada kejutan pandemik (sensitif-COVID) dan item yang tidak sensitif kepada kejutan tersebut (tidak sensitif-COVID)
2. Dalam kalangan item yang sensitif-COVID, terdapat beberapa item yang menghadapi tekanan menurun ke atas harga (terkesan secara negatif) manakala item lain menghadapi tekanan menaik (terkesan secara positif)
3. Bagi hanya mencerminkan kejutan pandemik, statistik ini tidak mengambil kira item yang harganya ditadbir dan item yang terjejas akibat musim tengkujuh yang teruk pada tahun 2021.



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

4 **Perubahan keadaan ini mencerminkan kejutan tambahan, yang bertepatan dengan permintaan terpendam berikutan pembukaan semula ekonomi dan pemulihan umum dalam kegiatan ekonomi**

Rajah 4 dan 5: Penunjuk permintaan dalam negeri dan kegiatan ekonomi

Kejutan tambahan pada tahun 2022 termasuk konflik ketenteraan di Ukraine dan kemarau di negara-negara pengeksport komoditi manakala di dalam negeri pula, kesan penamatan langkah-langkah pembendungan COVID-19 serta beberapa langkah dasar, termasuk kajian semula upah minimum dan pengeluaran khas EPF.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia



Nota: Rajah ini menunjukkan perubahan bilangan pelanggan (atau masa yang diluangkan) di tempat yang dikategorikan berbanding dengan tempoh asas (Jan - Feb 2020)

Sumber: Laporan Mobiliti Google

5 **Akibatnya, tekanan inflasi merebak kepada kebanyakan barangan IHP, terutamanya bagi makanan. Namun begitu, terdapat tanda-tanda tekanan harga menjadi sederhana selepas setahun inflasi meningkat**

Rajah 6: Perubahan harga bulanan bagi barangan IHP (% daripada bakul IHP)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 7: Inflasi berdasarkan kategori



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia

6 **Dasar monetari dilaraskan secara beransur-ansur sepanjang 2022 berikutan ekonomi pulih lebih kukuh dan dalam keadaan terdapatnya tanda-tanda inflasi yang didorong oleh permintaan**

Rajah 9: Kadar Dasar Semalaman (OPR)



Sumber: Bank Negara Malaysia

7 **Peranan dasar monetari adalah untuk mengekalkan kestabilan harga yang kondusif untuk pertumbuhan mampan. Kestabilan ini seterusnya memastikan kuasa beli terpelihara**

Rajah 8: Ilustrasi transmisi dasar monetari



Sumber: Penilaian Bank Negara Malaysia

8 **Inflasi yang lebih tinggi dalam tempoh dua tahun lepas memberikan kesan kepada semua rakyat Malaysia. Isi rumah berpendapatan rendah paling terjejas, berikutan perbelanjaan mereka yang lebih tinggi untuk makanan**

Rajah 10: Perbelanjaan untuk Makanan (termasuk Makanan di Luar Rumah)



Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia berdasarkan Laporan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

9 **Langkah-langkah jangka pendek telah membantu meringankan sebahagian daripada beban, tetapi bukan pengganti kepada pembaharuan struktur untuk mewujudkan pekerjaan bergaji lebih tinggi dan menambah baik perlindungan sosial**

Rajah 11: Dasar untuk menangani kos sara hidup yang tinggi

Langkah jangka pendek

- Kawalan harga dan subsidi untuk barangan keperluan penting (contohnya ayam segar, bahan api dan elektrik)
- Bantuan tunai untuk isi rumah yang mudah terjejas

Langkah jangka panjang

- **Penambahbaikan jaringan keselamatan sosial**[1]
- **Program pasaran buruh aktif** melalui inisiatif latihan semula dan peningkatan kemahiran untuk meningkatkan pendapatan dan produktiviti
- **Menambah baik sekuriti makanan**[2]

1/ Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana Visi Perlindungan Sosial di Malaysia dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2020.
2/ Untuk maklumat lanjut, rujuk rencana Mengecilkan Jurang Makanan: Peranan Penambahbaikan Struktur dalam Sektor Agromakanan dalam Buletin Suku Tahunan BNM S3 2021.

Sumber: Penilaian Bank Negara Malaysia